

**PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT PETANI:
KAJIAN KES DI KAMPUNG PIASAU,
KOTA BELUD**

MAINE SUADIK

The image contains a watermark of the Universiti Malaysia Sabah logo, which is a circular emblem with a shield in the center. The shield is divided into four quadrants with different colors and symbols. The text 'UNIVERSITI MALAYSIA SABAH' is written around the perimeter of the circle. Overlaid on this is a library stamp that reads 'PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH'. A large, semi-transparent 'UMS' watermark is also visible in the background.
**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS[@]

JUDUL : **PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT PETANI:
KAJIAN KES DI KAMPUNG PIASAU, KOTA BELUD**


IJAZAH : **SARJANA SASTERA
(SOSIOLOGI & ANTROPOLOGI)**

SESI PENGAJIAN : **2003-2007**


Saya, MAINE SUADIK mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian saya
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. TIDAK TERHAD


Disahkan oleh



(Penulis: MAINE SUADIK)



(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)



(Penyelia: Prof. Madya Dr. Fadzilah Majid Cooke)

Tarikh: 05 Jun 2008

Tarikh: 08 JULAI 2008

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, petikan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

05 JUN 2008



Maine Suadik
PS02-003-532




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : MAINE SUADIK
NO. MATRIK : PS2002-003-532
TAJUK : PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT PETANI:
KAJIAN KES DI KAMPUNG PIASAU, KOTA BELUD
IJAZAH : SARJANA SASTERA
TARIKH VIVA : 21 JANUARI 2008

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA
PROF. MADYA DR. FADZILAH MAJID COOKE



2. PENYELIA BERSAMA
ENCIK PAUL PORODONG



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan berkat dan kebaikanNya saya telah berjaya menyambung pengajian sehingga ke peringkat Ijazah Sarjana.

Ucapan jutaan terima kasih saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Fadzilah Majid Cooke selaku penyelia utama dan En. Paul Porodong sebagai Penyelia kedua yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang sangat berguna sepanjang proses penulisan tesis ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga saya tujukan khas untuk Prof. Dr. Azizah Kassim dan Prof. Madya Dr. Jacqueline P-Kitingan kerana telah membantu memberikan asas yang baik kepada saya untuk melakukan penyelidikan ilmiah peringkat Ijazah Sarjana. Tidak lupa buat Dekan, pensyarah dan kakitangan Sekolah Sains Sosial kerana bantuan dan galakan-galakan membina yang diberikan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Mokthar, Pegawai Pertanian (Seksyen Padi) di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Kota Kinabalu; Encik Daudi Goroh, Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Daerah Kota Belud; Encik Jeff Kuloj, Ketua Kampung dan seluruh penduduk Kampung Piasau di atas perhatian dan kerjasama yang diberikan.

Teristimewa buat ibubapa saya setinggi-tinggi terima kasih di atas curahan kasih sayang dan pedoman serta apa sahaja bentuk sumbangan dan pengorbanan yang diberikan selama ini. Buat abang Bayre dan adik-adik iaitu Diure, Eqiss, Carine, Anie dan Cea-Cea, kasih sayang kalian adalah motivasi yang paling berkesan dan sangat bermakna kepada saya.


Buat sahabat-sahabat baik dan rakan-rakan seperjuangan seperti Yusten, Rysall, Suzan, Awie, Masni, Gima, Sumpit, Charlie, Jarat, Gu Min, Jusman, Bro. Calixtus, Jub, Joe, Shapie, Budi, Mosli, Pauline, Soon, Carlos, Nops, Jovi, Will, Junid, Kus, Johnny, James, Syukri dan ramai lagi yang tidak dapat disebutkan, terima kasih untuk doa dan dorongan yang diberikan. Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan untuk semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan tesis ini. Sekian, Tuhan memberkati.

MAINE SUADIK
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah
Sabah

ABSTRAK

PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT PETANI: KAJIAN KES DI KAMPUNG PIASAU, KOTA BELUD

Kajian ini meneliti perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat petani padi di Kampung Piasau, Kota Belud. Perubahan sosial dilihat dari segi pengaruh perubahan teknologi dan perkembangan pasaran terhadap amalan pertanian dan hubungan sosial masyarakat petani. Data telah diperolehi dengan menggunakan pendekatan etnografi terhadap 60 orang informan yang terdiri daripada petani yang mempunyai tanah sama ada dipinjam atau dimiliki dan aktif melakukan aktiviti pertanian padi secara sepenuh masa dan separuh masa. Hasil kajian mendapati kehidupan sosial masyarakat petani telah mengalami perubahan akibat daripada pengaruh teknologi dan pasaran. Perkembangan teknologi menyebabkan banyak amalan pertanian yang asal tidak lagi dipraktikkan oleh petani. Sistem pasaran pula telah mengubah corak penggunaan faktor-faktor pengeluaran dan meningkatkan mode pengeluaran untuk tujuan memenuhi keperluan harian dan kehendak pasaran. Pembaharuan teknologi dan perkembangan pasaran juga turut mengubah hubungan sosial yang sedia ada dalam masyarakat. Oleh kerana aspek teknologi dan pasaran sangat berpengaruh di dalam membawa perubahan sosial sesebuah masyarakat, kedua-duanya harus diberikan perhatian dalam merancang pembangunan komuniti khususnya komuniti tani luar bandar.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the process of social change among paddy farmers of Kampung Piasau, Kota Belud. The study sought to investigate the extent to which technology and market processes affecting the agricultural sector plays a part in changing the social life of farmers. Data have been collected by using ethnographic method among 60 full time and part time farmers in this village. The research findings indicate that the social life at Kampung Piasau had changed substantially so that many past aspects of rice cultivation have been transformed or forgotten.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 3	PERKEMBANGAN PERTANIAN DI KAWASAN KAJIAN	
3.1	SEJARAH PERTANIAN NEGERI SABAH	37
3.2	UNSUR-UNSUR PEMERINTAHAN PENJAJAH	39
3.3	PEMBANGUNAN PERTANIAN SELEPAS MERDEKA	41
3.4	LATAR BELAKANG PERTANIAN PADI DAERAH KOTA BELUD	44
3.5	LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN: KAMPUNG PIASAU	49
	3.5.1 Latar belakang petani	52
	3.5.2 Pemilikan tanah	65
	3.5.3 Pewarisan tanah	71
	3.5.4 Isu subsidi pembajakan dan subsidi baja	76
3.6	KESIMPULAN	78
BAB 4	PENGARUH TEKNOLOGI DAN PERUBAHAN AMALAN PERTANIAN	
4.1	PENGARUH PERUBAHAN TEKNOLOGI	79
4.1.1	Pertanian Padi Sawah	82
	a. Menyemai benih	87
	b. Membersihkan batas dan kawasan sekitar sawah	92
	c. Membajak sawah dan membaiki batas	97
	d. Menanam	99
	e. Mengairi sawah dan merumput	104
	f. Menghalau burung dan menuai	106
	g. Mengangkat dan menjemur padi	113
4.1.2	Pertanian Padi Huma	117
	a. Membersihkan kawasan dan membajak	119
	b. Menanam dan merumput	120
	c. Menghalau burung dan menuai	124
4.2	KESIMPULAN	125
BAB 5	PENGARUH PASARAN DAN AMALAN PERTANIAN	
5.1	PENGARUH PASARAN	127
	5.1.1 Modal dan tenaga buruh upahan	127
	5.1.2 Sewaan tanah dan pinjaman peralatan	135
	5.1.3 Perubahan sistem pengeluaran	138
5.2	MOTIF PENGELUARAN	142
	5.2.1 Benih untuk ditanam semula	144
	5.2.2 Jualan	145
	5.2.3 Bahan makanan	152
	5.2.4 Sumbangan kepada gereja dan saudara mara	154
5.3	KESIMPULAN	155
BAB 6	KESIMPULAN	156
BIBLIOGRAFI		169

SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 1.1	Guna Tenaga Mengikut Industri, 2003	2
Jadual 3.1	Peniaga Mengikut Kaum di Tamu Mingguan Kota Belud, 2000	46
Jadual 3.2	Peraturan Kemahiran Penduduk, 2000	51
Jadual 3.3	Taburan Informan Mengikut Umur dan Jantina	52
Jadual 3.4	Agama Informan Mengikut Mazhab	54
Jadual 3.5	Status Perkahwinan Informan	55
Jadual 3.6	Tahap Pendidikan Informan Mengikut Umur	56
Jadual 3.7	Jenis Pekerjaan Informan Secara Sepenuh Masa dan Separuh Masa	58
Jadual 3.8	Cara Informan Mempelajari Kemahiran	60
Jadual 3.9	Aktiviti Selain Pertanian	64
Jadual 3.10	Keluasan Tanah Pertanian Padi	65
Jadual 3.11	Corak Pemilikan Tanah Pertanian Padi	66
Jadual 3.12	Bilangan Ahli Keluarga Informan	73
Jadual 3.13	Pendapat Informan Tentang Bantuan Anak-anak	74
Jadual 3.14	Pendapat Informan Tentang Kelebihan Petani Yang Aktif di dalam Politik Untuk Mendapat Bantuan Subsidi	77
Jadual 3.15	Peranan Pihak Kerajaan Daripada Perspektif Informan	78
Jadual 4.1	Pendapat Informan Tentang Pengamalan Kepercayaan Tradisi	81
Jadual 4.2	Aktiviti Pertanian Padi Sawah Sebelum Kemasukan Teknologi Baru	85

Jadual 4.3	Pendapat Informan Tentang Kesan Negatif Menyebut “Tikus” Dalam Kawasan Pertanian	87
Jadual 4.4	Pendapat Informan Tentang Pelanggaran Adat Semasa Bertani	90
Jadual 4.5	Pendapat Informan Tentang Kepentingan Pelaksanaan Upacara Doa Sebelum Memulakan Aktiviti Pertanian	93
Jadual 4.6	Pendapat Informan Tentang Kepentingan <i>Bobolian</i> di dalam Aktiviti Pertanian Padi	95
Jadual 4.7	Proses Pembajakan	97
Jadual 4.8	Pendapat Informan Tentang Faktor Semasa yang Mempengaruhi Kadar Hasil	101
Jadual 4.9	Pendapat Informan Tentang Aktiviti Pertanian Padi	103
Jadual 4.10	Cara Penanaman Padi dilakukan	104
Jadual 4.11	Kaedah Menghalau Burung	107
Jadual 4.12	Pendapat Informan Tentang Pengaruh Adat Terhadap Hasil Tuaian	109
Jadual 4.13	Kaedah Menuai	110
Jadual 4.14	Aktiviti <i>Monggogik</i> Mengikut Proses	113
Jadual 4.15	Cara Informan Menguruskan Hasil	115
Jadual 4.16	Pendapat Informan Tentang Kesan Aktiviti Pertanian Padi Terhadap Hubungan Kekeluargaan	117
Jadual 4.17	Pendapat Informan Tentang Aktiviti Menjala dan Memancing	123
Jadual 4.18	Pemilikan Kenderaan dan Telefon	124
Jadual 5.1	Punca Modal	128
Jadual 5.2	Cara Pengiraan Upah Buruh Tani	132
Jadual 5.3	Pendapat Informan Tentang Tanah Pertanian yang diusahakan Sendiri	135

Jadual 5.4	Pendapatan Bulanan Isirumah Informan	140
Jadual 5.5	Pendapat Informan Tentang Tingkat Pendapatan	141
Jadual 5.6	Cara Informan Menambah Pendapatan	141
Jadual 5.7	Perbelanjaan Bulanan Isirumah Informan	142
Jadual 5.8	Kegunaan Padi	143
Jadual 5.9	Jumlah Padi Untuk ditanam Semula	144
Jadual 5.10	Jumlah Padi Untuk dijual	148
Jadual 5.11	Pendapat Informan Tentang Harga Padi	148
Jadual 5.12	Cadangan Harga	149
Jadual 5.13	Tempat Pemasaran Padi	150
Jadual 5.14	Jumlah Pendapatan Informan Daripada Jualan Padi	152
Jadual 5.15	Jumlah Padi Untuk Tujuan Makanan	153
Jadual 5.16	Jumlah Padi didermakan	154

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 4.1	<i>Turug-urug</i> di kawasan sawah padi 83
Foto 4.2	Petani menunggang kerbau yang sedang menarik <i>kanggah</i> 88
Foto 4.3	<i>Tapol</i> yang dibuang oleh petani 91
Foto 4.4	<i>Dangol</i> yang digunakan membersihkan kawasan 92
Foto 4.5	<i>Bibion</i> di kawasan Dorusan, Kampung Piasau 96
Foto 4.6	<i>Tangkala</i> di kawasan sawah padi 99
Foto 4.7	Salah satu <i>wokok</i> di kawasan Sumpington 104
Foto 4.8	<i>Sulap</i> yang menjadi pusat menarik tali rafia semasa menuai 106
Foto 4.9	<i>Langgaman</i> 111
Foto 4.10	Aktiviti menuai menggunakan <i>combine harvester</i> 112
Foto 4.11	Aktiviti pemindahan padi ke dalam lori untuk dijual 114
Foto 4.12	Pembajakan kawasan tanah huma di Lih, Kampung Piasau 120
Foto 4.13	<i>Taasok</i> dan " <i>Burung</i> " 121
Foto 5.1	Baja tanah 128
Foto 5.2	Antara jenis racun yang digunakan oleh petani 130
Foto 5.3	Aktiviti meracun rumput di kawasan huma 131
Foto 5.4	Lori sewa yang sedang mengangkat padi 136
Foto 5.5	Aktiviti jual beli di kalangan petani di Tamu Mingguan 137
Foto 5.6	Informan bersama mesin pemotong rumput yang dipinjam daripada petani lain 138
Foto 5.7	Sebuah kilang mengisar padi di daerah Kota Belud 146
Foto 5.8	Petani separuh masa yang sedang menjual padi 151

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	Kedudukan Kampung Piasau dalam Daerah Kota Belud	5
-----------	--------------------------------------------------	---



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BERNAS	Beras Nasional
BPM	Bank Pertanian Malaysia
BRC	<i>Borneo Research Council</i>
DPN	Dasar Pertanian Negara
FAMA	<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>
HSC	<i>Higher School Certificate</i>
IDS	<i>Institute of Development Studies</i>
IKM	Institut Kemahiran Mara
IPS	Institut Pertanian Sabah
JHM	Jaminan Harga Minimum
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KB-KK	Kota Belud-Kota Kinabalu
KEMAS	Pusat Kemajuan Masyarakat
KM	Kilometer
KPD	Koperasi Pembangunan Desa
KPIM	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
LCE	<i>Lower Certificate of Education</i>
LPN	Lembaga Padi dan Beras Negara
MARDI	<i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i>
MCE	<i>Malaysian Certificate of Education</i>
MDKB	Majlis Daerah Kota Belud
PDKB	Pejabat Daerah Kota Belud
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPHT	Penolong Pemunggut Hasil Tanah
PPKT	Projek Pembangunan Komoditi Tanaman
RC	<i>Roman Catholic</i>
RIDA	<i>Rural Industrial Development Authority</i>
SBBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
SDA	<i>Seventh Day Adventist</i>
SIB	Sidang Injil Borneo
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPVM	Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TH	Tahun
WKAN	Wakil Anak Negeri

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A	Soalan Temubual Bersama Key Informan 176
Lampiran B	Soalan Temubual Bersama Informan 177
Lampiran C	Sesi Temubual Bersama Informan 182
Lampiran D	Peta Keseluruhan Kawasan Kampung Piasau 184
Lampiran E	Gambar Penyelidikan 186



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Industri pertanian merupakan antara sektor pekerjaan yang banyak diceburi oleh masyarakat khususnya penduduk luar bandar di Malaysia. Jadual 1.1 menunjukkan pada tahun 2003, sektor ini bersama dengan aktiviti pemburuan, perikanan dan perhutanan menyumbang 13.8 peratus daripada jumlah guna tenaga di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003). Berdasarkan kepada kepentingan sektor pertanian kepada kehidupan ekonomi dan sosial masyarakat, maka pelbagai usaha dilakukan untuk membolehkannya mampu bersaing dengan sektor-sektor lain. Salah satu daripada usaha pemodenan pertanian yang dilaksanakan ialah melalui pembangunan teknologi dan infrastruktur (Wong, 1987; *Ministry of Agriculture Malaysia*, 1999).

Pemodenan sektor pertanian juga adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk membangunkan aktiviti pertanian sara diri kepada perusahaan pertanian secara komersial (*Ministry of Agriculture Malaysia*, 1999). Usaha pengkomersialan sektor pertanian di negeri Sabah berbeza daripada Semenanjung Malaysia kerana ia lebih tertumpu kepada penghapusan amalan pertanian pindah di dalam masyarakat tani. Penolakan aktiviti pertanian sara diri khususnya amalan pertanian pindah merupakan antara usaha pemodenan sektor pertanian yang telah memberikan kesan kepada hubungan sosial yang sedia ada dalam masyarakat (Cleary & Eaton, 1996; Little, 2003).

Kesan perubahan amalan pertanian terhadap kehidupan sosial masyarakat telah banyak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji seperti Wan Hashim Wan Teh (1976); Wong (1987); Hart (1992); Nik Hashim Nik Mustapha (1996); Ahmad Madzhan Ayob (1997); Useem (1997); LaFranchi (1997); Das (1998) dan Little

(2003). Menurut Wan Hashim Wan Teh (1976), rancangan-rancangan pembangunan yang dilancarkan oleh kerajaan menyebabkan ramai orang Melayu luar bandar mulai mempunyai kecenderungan dan inspirasi untuk bergiat di dalam lapangan selain daripada sektor pertanian. Pemodenan dalam sektor pertanian pula telah membawa peningkatan hasil dan menjadikan matlamat pengeluaran bukan sahaja untuk memenuhi keperluan keluarga tetapi juga untuk tujuan pasaran.

Jadual 1.1: Guna Tenaga Mengikut Industri, 2003

Industri	Jumlah guna tenaga ('000)	Peratus
Perdagangan jual borong dan jual runcit, pembaikan kenderaan bermotor, motosikal dan barangan persendirian dan isirumah	2,910.5*	28.7*
Pembuatan	2,814.9	27.7
Pertanian, pemburuan, perikanan dan perhutanan	1,403.0	13.8
Pentadbiran awam dan pertahanan, keselamatan sosial wajib, pendidikan, kesihatan dan kerja sosial	1,026.1	10.1
Pembinaan	794.60	7.8
Aktiviti hartanah, penyewaan, perniagaan dan pengantaraan kewangan	635.3	6.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	522.8	5.2
Perlombongan dan pengkuarian	42.8	0.4
Jumlah guna tenaga	10,150.0	100.0

* Termasuk bekalan elektrik, gas dan air, hotel dan restoran, aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian lain, isirumah persendirian dengan pekerja bergaji dan organisasi serta badan-badan di luar wilayah.

Sumber: Diubahsuai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2003)

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Perkembangan teknologi dan sistem pasaran merupakan antara faktor yang mempengaruhi amalan semasa aktiviti pertanian padi. Pengenalan teknologi baru di dalam sektor pertanian dikatakan mempunyai kesan dan tindakbalas yang berbeza di

dalam masyarakat yang berbeza. Seseengah masyarakat menerima baik teknologi yang diperkenalkan dan ada yang menolak kerana ia bercanggah dengan amalan yang sedia ada dalam kehidupan mereka. Rosset et al. (2000) telah melihat kesan perkembangan teknologi khususnya di dalam mengurangkan kos upah buruh tani. Manakala Jaafar Md. Abd. Shukur Ariffin (1983) berpendapat teknologi baru telah menyebabkan ramai buruh tani kehilangan sumber pendapatan kerana tersingkir daripada menjadi buruh upahan sektor pertanian. Keadaan ini berlaku akibat daripada penggantian tenaga manusia kepada penggunaan jentera.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti kesan perubahan teknologi dan perkembangan pasaran terhadap kehidupan sosial masyarakat tani. Bagaimanakah kedua-dua aspek ini mempengaruhi amalan pertanian khususnya sistem pengeluaran daripada pembersihan kawasan, penanaman sehingga penuaian? Kajian ini juga akan menyiasat kesan teknologi dan pasaran terhadap hubungan sosial termasuk nilai-nilai masyarakat setempat. Kajian ini merupakan satu penilaian semula tentang pengaruh teknologi baru dan sistem pasaran ke atas amalan pertanian dan hubungan sosial masyarakat petani.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Meneliti kesan perubahan teknologi terhadap amalan pertanian dan hubungan sosial masyarakat tani.
- ii. Menilai pengaruh pasaran terhadap amalan pertanian dan hubungan sosial petani.

1.4 SKOP KAJIAN

Kajian-kajian lepas menunjukkan perubahan teknologi, pengaruh pasaran, pendidikan, budaya, politik dan isu-isu setempat adalah faktor-faktor utama yang mempengaruhi amalan pertanian dalam masyarakat. Kajian ini telah memberi fokus kepada kesan perubahan teknologi dan pengaruh sistem pasaran terhadap kehidupan sosial masyarakat tani Dusun. Penyelidikan meliputi penggunaan dan kesan modenisasi

seperti sistem pengairan dan saluran, jentera pembajak dan penuai, baja tanah, benih padi dan racun rumput di setiap peringkat penanaman kepada petani.


Kesan teknologi dan pengaruh pasaran terhadap amalan pertanian dilihat dari segi nilai berkenaan tanah dan kepercayaan terhadap adat yang berubah dan amalan yang dipraktikkan seterusnya. Kesan terhadap hubungan sosial pula dilihat dari segi perubahan hubungan di kalangan petani dan hubungan di antara petani dan orang luar akibat terhapusnya amalan tradisi seperti aktiviti *mitabang-tabang* iaitu kerjasama tidak berbayar dan status yang bukan sahaja diwarisi tetapi juga dicapai.

Dari segi pasaran pula perbincangan merangkumi proses pengkomersialan yang diambilkira daripada dua aspek iaitu ideologi dan material. Kajian terhadap pengkomersialan ideologi meliputi penjualan hasil tanaman padi dan pembayaran penggunaan tenaga buruh tani. Manakala dari segi material, ia termasuk penetapan bayaran ke atas peralatan-peralatan pertanian seperti mesin penembak padi dan jentera pembajak. Meskipun tumpuan diberikan kepada padi sawah, namun kajian ini ada juga menyentuh tentang tanaman padi huma. Ia meliputi kajian terhadap *development intervention* dalam pertanian padi sawah dan kurangnya *development intervention* di dalam aktiviti pertanian padi huma. Pertanian padi huma kurang diusahakan di Kampung Piasau kerana ia masih mengamalkan teknik-teknik pertanian tradisional akibat daripada keutamaan kerajaan terhadap pembangunan pertanian padi sawah.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Daerah Kota Belud telah disasarkan sebagai kawasan jelapang padi bagi negeri Sabah (Sakat, 2005: 3). Pengkaji telah memilih Kampung Piasau yang terletak di dalam daerah Kota Belud sebagai lokasi kajian kerana kampung ini menjadi kawasan demonstrasi bagi program-program pembangunan pertanian padi dan ia antara kawasan utama yang menerima pengenalan teknologi baru di dalam sektor pertanian padi di negeri Sabah. Ia juga dipilih sebagai kawasan kajian kerana wujudnya perubahan sosial berasaskan pertanian yang sangat jelas di kampung ini berdasarkan perubahan sikap petani berkenaan teknologi baru dalam pertanian. Penduduk di Kampung Piasau menerima ketersampaian program pembangunan yang tinggi kerana kedudukan kampung yang

mudah dihubungi dan terletak berhampiran dengan Pekan Kota Belud. Rajah 1.1 menunjukkan kedudukan Kampung Piasau yang terletak dalam bulatan kawasan Pekan Kota Belud. Lampiran D pula merupakan peta kawasan Kampung Piasau secara keseluruhan.

Rajah 1.1: Kedudukan Kampung Piasau dalam Daerah Kota Belud



Sumber: Diubahsuai daripada <http://www.sabahtravelguide.com/mapguide/> (2004)

Dari segi masa, kajian ini menggunakan maklumat pertanian padi semasa dalam tahun 2004. Ia berasas kepada kerja lapangan yang dibuat pada bulan Januari sehingga Disember 2004. Amalan pertanian tradisional pula mengambilkira aktiviti

pertanian sebelum perubahan teknologi dan pengaruh pasaran berlaku dengan pesat di kampung ini.

Bagi merealisasikan usaha untuk menjadikan daerah Kota Belud sebagai salah satu kawasan mini jelapang padi negeri Sabah, pelbagai program pembangunan sektor pertanian padi telah dilaksanakan. Blok pertanian dibentuk untuk memudahkan pegawai-pegawai Jabatan Pertanian memberikan latihan dan khidmat nasihat kepada petani mengenai teknologi-teknologi pertanian terkini. Pembinaan dan baik pulih sistem pengairan dan saliran pula dilakukan untuk menjamin pengawalan air yang sempurna di kawasan sawah padi. Bagi meringankan bebanan petani dan menjamin agar kualiti pertumbuhan padi sentiasa dapat diperbaiki, petani diberikan subsidi dalam bentuk wang dan baja serta benih tanaman padi yang bermutu. Usaha untuk meningkatkan prestasi sektor pertanian padi penting kerana ia merupakan penyumbang utama kepada peningkatan taraf hidup sebahagian besar penduduk daerah Kota Belud yang bergiat dalam sektor pertanian padi.

1.5 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Data primer berkenaan amalan pertanian tradisional serta pengaruh teknologi baru dan perkembangan pasaran dalam aktiviti pertanian padi telah diperolehi melalui pendekatan etnografi. Pendekatan etnografi memerlukan pengkaji berada di dalam masyarakat yang dikaji sepanjang tempoh yang tertentu untuk melihat kelakuan, aktiviti serta peristiwa yang dialami masyarakat setiap hari secara terperinci (Leedy & Ormrod, 2005). Menurut Bailey (1963); Abdullah Taib (1985) dan Norazit Selat (1993), pendekatan etnografi merujuk kepada kaedah penyelidikan yang memerlukan deskripsi secara kualitatif tentang fenomena sosial sesebuah masyarakat berasaskan kajian lapangan. Oleh itu, pendekatan etnografi sebagai *site-based fieldwork* adalah terletak di bawah paradigma kualitatif yang melibatkan pengkaji memahami fenomena sosial dan memberikan penjelasan terhadap apa yang diperhatikan di dalam masyarakat yang dikaji (Leedy & Ormrod, 2005). Pengkaji menjadi *instrument* utama semasa penyelidikan dijalankan. Penyelidikan secara etnografi sesuai digunakan kerana kajian ini memerlukan maklumat tentang perubahan daripada perspektif petani sendiri. Pendekatan etnografi disokong dengan data-data sekunder daripada perpustakaan dan bahan-bahan terbitan jabatan-jabatan kerajaan.

Di dalam pendekatan etnografi, pemerhatian ikut serta telah dilakukan selama lebih kurang satu tahun untuk mengkaji pengaruh perubahan teknologi dan perkembangan pasaran terhadap amalan pertanian khususnya dari segi aplikasi peralatan berteknologi baru di setiap peringkat penanaman serta corak penggunaan faktor-faktor pengeluaran seperti tanah, buruh dan modal. Menurut Henslin (2005) dan Leedy & Ormrod (2005), pemerhatian ikut serta memerlukan pengkaji berada di lapangan dan melibatkan diri di samping memerhatikan apa yang sedang berlaku di lapangan tersebut. Pengkaji turut terlibat dengan perbualan dan perbincangan dengan anggota kelompok untuk mengetahui reaksi serta pentafsiran mereka terhadap sesuatu peristiwa (Ting, 1997). Di dalam kajian ini, cara hidup petani diselidiki melalui kajian terhadap perubahan amalan pertanian akibat pengenalan teknologi baru. Pengkaji telah berada di dalam masyarakat sepanjang tempoh penyelidikan untuk memerhati aktiviti dan menyertai perbualan petani berkenaan usaha pertanian yang mereka lakukan. Kaedah pemerhatian ikut serta penting bagi memastikan maklumat yang diperolehi daripada temubual bertepatan dengan keadaan sebenar. Semua hasil daripada pemerhatian telah direkodkan secara bertulis dalam bentuk nota lapangan (*fieldnotes*).

Temubual ialah soalan bersiri yang dikemukakan oleh pengkaji kepada informan. Ia boleh berbentuk soalan terbuka yang membolehkan pengkaji bebas bertanyakan soalan-soalan susulan atau *semi structured* iaitu soalan yang berkisar tentang tema-tema utama yang tertentu (Macionis, 2005; Leedy & Ormrod, 2005). Di dalam penyelidikan ini temubual secara semi formal dan informal telah dibuat dengan dua orang *key informan*. *Key informan* lazimnya adalah mereka yang mempunyai banyak maklumat dan pandangan yang relevan berkenaan permasalahan kajian (Leedy & Ormrod, 2005). *Key informan* yang pertama di dalam kajian ini ialah Puan Kuliham, seorang bekas petani berusia 86 tahun yang aktif bertani sehingga tahun 1990. *Key informan* yang kedua ialah Encik Sinteh, Pengerusi Asas Tani Kampung Piasau yang masih giat bertani dan mempunyai banyak maklumat tentang aktiviti pertanian di kampung ini. Temubual secara bersiri dengan *key informan* telah dilakukan berdasarkan soalan-soalan yang dikembangkan di bawah tema-tema yang tertentu (lihat Lampiran A).

Temubual turut dibuat dengan Encik Mokthar, Pegawai Pertanian (Seksyen Padi) di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Kota Kinabalu; Encik Daudi Goroh, Penolong Pegawai Daerah Kota Belud; Encik Muneh, Pegawai Pertanian di Jabatan Pertanian, pegawai-pegawai di Jabatan Tanah serta Pengetua dan kakitangan Institut Pertanian Sabah (IPS), Timbang Manggaris, Kota Belud untuk mendapatkan maklumat tentang program-program pembangunan sektor pertanian padi yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di daerah Kota Belud khususnya di Kampung Piasau. Temubual dengan Encik Mahai iaitu bekas Ketua Kampung; Encik Suadik, bekas JKKK dan Puan Runsoyo salah seorang bekas *Bobolian* di Kampung Piasau juga dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan berkenaan tanah dan upacara ritual tradisional di dalam aktiviti pertanian padi.

Menurut Sinteh (2004), jumlah keseluruhan petani padi di Kampung Piasau pada tahun 2004 ialah seramai 126 orang. Daripada jumlah ini pengkaji telah menemubual 60 orang informan yang merangkumi 47.6 peratus daripada jumlah petani yang ada. Sampel dipilih secara *purposive sampling* dan unit persampelan adalah pada peringkat individu. Pemilihan sampel *secara purposive sampling* memerlukan individu atau isirumah dipilih sebagai informan berdasarkan kriteria yang tertentu (Leedy & Ormrod, 2005). Lazimnya informan pilihan ialah di kalangan mereka yang mempunyai banyak idea atau pandangan tentang sesuatu isu yang dikaji. *Purposive sampling* telah digunakan di dalam kajian ini kerana pengkaji mahu menumpukan kajian kepada penduduk Kampung Piasau yang aktif dalam menjalankan aktiviti pertanian padi. Informan terdiri daripada mereka yang mempunyai tanah untuk diusahakan sama ada dipinjam atau dimiliki dan bertani sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa. Sesi temubual secara semi formal¹ dibuat berpandukan soalan-soalan yang berkaitan (lihat Lampiran B). Temubual dengan informan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan tentang aspek-aspek seperti peringkat-peringkat penanaman padi serta penggunaan baja dan racun yang diperolehi daripada pemerhatian ikut serta. Temubual tidak formal digunakan untuk mengumpul maklumat berkenaan aktiviti

¹ Menggunakan *key questions*.

pertanian padi tradisional dan semua maklumat pertanian yang tidak dapat diperolehi daripada kaedah pemerhatian.

Selain itu, beberapa sesi temubual secara berkelompok telah diadakan (silalah rujuk Lampiran C). Leedy & Ormrod (2005) berpendapat, temubual berkelompok sesuai digunakan sebagai kaedah kajian apabila informan lebih selesa bercakap dalam kumpulan berbanding individu. Memandangkan *pilot survey* yang dijalankan menunjukkan informan yang dikaji lebih cenderung untuk membuat perbincangan secara berkumpulan maka kaedah ini sangat sesuai untuk digunakan. Pengkaji telah memohon bantuan daripada pihak kepimpinan gereja setempat untuk mengadakan pertemuan ini. Oleh kerana terdapat beberapa mazhab, pelaksanaan sesi temubual informal secara berkelompok telah dibuat mengikut mazhab agama Kristian Sidang Injil Borneo (SIB), *Roman Catholic* (RC) dan *Seventh Day Adventist* (SDA). Pertemuan berkelompok disusuli dengan temubual pengkaji dengan petani secara individu. Bagi petani yang tidak menghadiri sesi pertemuan berkelompok yang diatur, pengkaji telah datang sendiri ke sawah atau rumah mereka untuk menjalankan temubual secara individu. Rekod bertulis secara ringkas telah dilakukan semasa temubual berjalan dan pengkaji menuliskannya semula selepas temubual selesai.

Selain menemubual, pengkaji turut menggunakan kaedah dokumentasi iaitu melalui rakaman fotografi. Kaedah dokumentasi adalah rekod terperinci menggunakan bahan-bahan *audiovisual* seperti gambar, video dan *audiotapes* tentang persekitaran termasuk alam sekitar fizikal dan faktor-faktor sosial yang dapat diperhatikan (Henslin, 2005). Ini penting sebagai rekod kepada persekitaran, peralatan dan aktiviti yang dilakukan oleh petani semasa pengkaji menjalankan penyelidikan.

Data sekunder berkenaan pertanian padi di Kampung Piasau telah diperolehi melalui bahan-bahan terbitan khas dalam bentuk risalah yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pertanian Daerah, maklumat demografi daripada Pejabat Daerah dan maklumat kampung yang tidak diterbitkan, penelitian buku-buku ilmiah berkenaan tanah dan pertanian, maklumat perangkaan tahunan sektor pertanian serta jurnal-jurnal berkaitan daripada *Borneo Research Council* (BRC) dan *Bulletin of The Society*